

Tak malu digelar suri rumah jaga isteri sakit, anak OKU

[FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN / BH]

Johor Bahru: Bekas pekerja kilang, Mohd Fauzi Haron, tidak pernah kesal dibuang kerja sejak dua tahun lalu kerana menganggap ia pengorbanan untuk menjaga isteri yang sakit kronik dan anak orang kurang upaya (OKU).

"Saya tidak segan dan berasa malu untuk bergelar suri rumah sepenuh masa sejak dua tahun lalu demi menjaga anak syurga dan isteri," kata Mohd Fauzi, 44.

Mohd Fauzi berkata, dia pernah menjadi pekerja kilang selama lebih 16 tahun di sebuah syarikat di Seelong, Senai dan memperoleh pendapatan bulanan kira-kira RM1,600 sebelum ini.

Bagaimanapun katanya, dua tahun lalu, dia dibuang kerja kerana kerap bercuti apabila mula memberi penjagaan kepada anaknya, Muhammad Faiz Irfan Mohd Fauzi, 9.

Katanya, dia memikul tugas berkenaan selepas isterinya, Norazifa Othman, 34, disahkan mengalami sakit barah payudara tahap kedua pada dua tahun lalu dan menjalani rawatan di sebuah hospital awam.

"Alhamdulillah, selepas beberapa

sesi rawatan, keadaan isteri bertambah pulih, namun tidak sangka mata kanannya pula bermasalah dan rabun teruk akibat katarak.

"Dalam keadaan itu, saya tidak boleh lagi membiarkan isteri menjaga anak kerana doktor khuatir ia boleh membahayakan nyawa kedua-dua mereka.

"Akibat masalah rabun isteri juga terpaksa bergantung kepada mata kiri untuk bergerak hingga pergerakannya terbatas kerana mata kirinya juga mengalami silau ketara. Jadi saya mengambil alih tugasnya termasuk membasuh baju, masak mahu pun mengemas rumah," katanya.

Bergantung bantuan JKM, MAUI

Mohd Fauzi berkata, keluarganya kini bergantung kepada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) berjumlah RM1,300 sebulan.

Mohd Fauzi berkata, rutin hariannya bermula seawal jam 7 pagi, iaitu membersihkan anaknya termasuk mengeluarkan kakak mengu-

nakan mesin khas.

Katanya, anak bongsu daripada dua beradik itu bergantung kepada tiub untuk makan dan minum susu.

Bellau berkata anaknya mengalami lapan jenis kecacatan termasuk dilahirkan tanpa telinga sebelah kanan, masalah usus, radang paru-paru, kekurangan oksigen dalam badan, kecacatan lelangit dan kekejangan otot.

"Dia juga tidak memiliki anak tekak sehingga sukar menelan makanan dan saluran pencernaan tidak sempurna. Hingga kini Muhammad Faiz yang mengalami masalah kekejangan otot lumpuh malah bergantung kepada 10 jenis ubat serta minum susu kira-kira lapan kali sehari," katanya.

Seorang lagi anak pasangan itu Fatim Nur Azwani, 10, dijaga ibunya.

Mohd Fauzi boleh dihubungi menerusi telefon 016-7964979 atau 0112-8779391.

Mohd Fauzi menyediakan makanan bagi isterinya setiap hari dan akibat sibuk mengurus isteri dan anak dia hanya mampu tidur lima hingga enam jam sehari.



Mohd Fauzi bersama isteri dan anak ketika ditemui di rumahnya di Johor Bahru.